

Hubungan bercorak baru KL-Washington

BH - 6 APR 2001

Malaysia berhasrat mengurangkan perselisihan faham dengan Washington

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia mahu mewujudkan hubungan bercorak baru dengan Amerika Syarikat (AS) di bawah pentadbiran Presiden George W Bush, termasuk mengurangkan perselisihan faham di antara Kuala Lumpur dengan Washington.

Hasrat Malaysia itu disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Duta Besar AS ke sini, B Lynn Pascoe, dalam satu pertemuan di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan yang diminta oleh Pascoe itu, beliau menyatakan pendirian Malaysia terhadap kerajaan baru Amerika Syarikat.

"Kita berpendapat dengan adanya kerajaan baru, mungkin kita dapat memperbaharui hubungan kita dengan AS dan kurangkan sedikit perselisihan faham antara kita

dengan AS," katanya kepada pemberita ketika melawat Kementerian Penerangan di Angkasapuri, hari ini.

Beliau ditanya mengenai hasil pertemuannya dengan Pascoe, perjumpaan rasmi pertama sejak duta itu memulakan tugasnya di sini pada 1 Mac 1999. Pertemuan itu diadakan tidak sampai tiga bulan selepas Bush dilantik sebagai Presiden AS ke-43 pada 20 Januari lalu.

Hubungan AS-Malaysia tegang apabila Washington dikatakan mencampuri urusan dalaman negara ini. Beberapa pihak termasuk parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan menyalahkan AS kerana tindakan itu.

Bekas Naib Presiden AS, Al Gore yang kalah kepada Bush dalam pilihan raya presiden tahun lalu, melahirkan sokongan kepada apa yang dikatakan gerakan reformasi ketika berucap pada satu majlis sempena Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini pada 1998.

Ogos lalu, Malaysia membantah keras tindakan AS membuat kenyataan menyerang badan kehakiman Malaysia dalam mengendalikannya kes jenayah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malah, Reuters melaorkan AS menyifatkan Anwar sebagai tahanan politik walaupun bekas timbalan perdana menteri itu dihukum penjara kerana kesalahan jenayah.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuannya

LIHAT MUKA 2

Anggota Asean perlu sensitif isu dalaman Malaysia

DARI MUKA 1

dengan Pascoe kelmarin, beliau turut menegaskan mengenai sikap bebas Malaysia untuk terus menegur perkara yang patut ditegur.

"Apabila kita dapati sesuatu yang perlu ditegur, kita akan terus tegur kerana kita tidak mahu kewibawaan kita di kalangan orang lain terjejas kerana kita memihak," katanya.

Mengenai kehadiran wakil kedutaan asing termasuk AS, Indonesia dan Singapura dalam taklimat Parti Keadilan di Hotel Shah Village di Petaling Jaya Ahad lalu, beliau berkata negara asing termasuk anggota Asean perlu sensitif dan tidak seharusnya mencampuri urusan dalaman Malaysia.

"Kita tak suka orang asing ambil bahagian, campur tangan urusan dalaman negara kita. Kerajaan boleh juga panggil duta-duta untuk membuat penjelasan walaupun kita dapati ramai duta mempunyai pandangan serong terhadap kerajaan.

"Namun, kita tidak membuat apa-apa penjelasan khusus kepada mereka sedangkan kita boleh berbuat de-

mlikian kerana kita mempunyai maklumat yang mungkin mereka tidak ada.

"Tetapi kalau kita selalu undang orang asing campur tangan, jangan marah kalau esok orang asing menguasai negara kita," katanya.

Ditanya sama ada pembabitan Singapura dan Indonesia boleh menjejaskan semangat Asean yang berpegang kepada dasar tidak mencampuri urusan politik negara anggota, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara itu harus sensitif.

"Mereka harus sensitif terhadap perasaan kita. Kita tidak campur tangan dalam urusan rumah tangga mereka dan mereka juga tidak harus campur tangan dalam urusan kita," katanya.

Mengenai perbalahan antara AS dengan China berikutan nahas udara pesawat pengintip Amerika dan jet pejuang China, Dr Mahathir berkata insiden itu amat dikesali.

Katanya, insiden itu tidak seharusnya berlaku kerana mana-mana negara di dunia ini tidak suka kepada pengintipan terhadap mereka.